

# MEF: Seragam label, simbol

KUALA LUMPUR 24 Julai - Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) berharap label dan simbol bahan kimia dalam negara akan diseragamkan pada tahun 2008, kata Perunding Sekutu Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran Pekerjaan (OSHE), Anis Fahmy Pauzi.

Buat masa ini, program itu masih di peringkat awal, kata beliau kepada pemberita di luar acara bengkel dua hari mengenai "Understanding The Impact of Global Harmonisation of Hazard Classification and Labelling Systems", di sini hari ini.

"Setiap negara mempunyai label dan simbol bahan kimia mereka sendiri.

"Dengan menetapkan piawaian di semua negara, setiap orang boleh mengetahui maknanya," kata beliau.

Anis Fahmy berkata, adalah penting untuk memiliki simbol dan label yang sama di semua negara untuk keselamatan dan pemahaman yang lebih baik.

"Perbezaan dalam label dan simbol dari sebuah negara dengan negara yang lain mungkin menyebabkan kesukaran dalam pemahaman simbol dan label.

Bengkel itu dianjurkan secara bersama dengan Nippon-Keidanren International Cooperation Centre.

- Bernama